

IBADAH




SIMBOL KETAATAN, HAKIKAT KEHAMBAAAN

Ustaz Dr. Muhammad Afif Bin Yahya (Dr. Umay)




Mari kita kupas perihal ibadah korban
dari sudut Syariat & Hakikat





PENDAHULUAN

Ibadah korban merupakan syiar agung di dalam Islam yang mencontohi pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS dalam mentaati perintah Allah SWT. Ia melambangkan kemurnian tauhid, ketaatan serta usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT (taqarrub).





PENGERTIAN KORBAN

- Dari segi bahasa:

Udhiyyah berasal daripada perkataan al-dhahwah iaitu waktu awal siang selepas terbit matahari. Dinamakan demikian kerana ibadah korban dilakukan pada waktu tersebut.

- Dari segi istilah:

Menyembelih haiwan ternakan seperti unta, lembu, kambing dan biri-biri pada Hari Nahar (10 Zulhijjah) serta hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah) sebagai ibadah kepada Allah SWT.



DALIL PENSYARIATAN IBADAH KORBAN



Firman Allah SWT :

فُصِّلَ لِرَبِّكَ وَانْحَزَ

“ Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu dan sembelihlah korban.”

(Surah al-Kawthar: 2)

Hadis Rasulullah ﷺ :

Daripada Ibn Umar RA:

“ Rasulullah ﷺ menetap di Madinah selama 10 tahun dan Baginda sentiasa melaksanakan ibadah korban.”

(HR Ahmad dan al-Tirmizi)



HUKUM HAKAM IBADAH KORBAN

Ibadah korban disyariatkan kepada individu yang mempunyai lebihan harta selepas mencukupi keperluan diri dan tanggungannya.

Korban boleh dilaksanakan pada:

- 10 Zulhijjah (Hari Aidiladha)
- 11, 12 dan 13 Zulhijjah (Hari-hari Tasyriq)



HUKUM MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN

1. Sunat Muakkad

Ibadah korban sangat dituntut bagi mereka yang mempunyai kemampuan dan kelebihan harta selepas memenuhi keperluan diri serta keluarga.


2. Sunat Kifayah

Jika salah seorang ahli keluarga yang menanggung keluarga melakukan korban, maka gugurlah tuntutan bagi ahli keluarga yang lain.



SYARAT PESERTA KORBAN

1. Islam - Ibadah korban hanya disyariatkan kepada orang Islam.
2. Baligh - Tidak dituntut ke atas kanak-kanak.
3. Berakal - Tidak dituntut ke atas orang yang tidak waras.
4. Berkemampuan - Mempunyai lebihan harta selepas keperluan diri dan tanggungan dipenuhi serta mampu membeli haiwan korban.



SYARAT HAIWAN KORBAN

1. Daripada haiwan ternakan - Iaitu unta, lembu/kerbau, kambing dan biri-biri.
2. Cukup umur menurut syarak
 - Unta: 5 tahun
 - Lembu/Kerbau: 2 tahun
 - Kambing: 2 tahun masuk tahun ketiga
 - Biri-biri: 1 tahun masuk tahun kedua
1. Sihat dan tidak cacat - Sebaiknya memilih haiwan yang gemuk dan banyak daging.



PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN

1. $\frac{1}{3}$ untuk diri sendiri dan $\frac{2}{3}$ disedekahkan kepada fakir miskin.
2. $\frac{1}{3}$ dimakan, $\frac{1}{3}$ disedekahkan kepada fakir miskin dan $\frac{1}{3}$ dihadiahkan kepada saudara atau jiran.
3. Cara paling afdhal:

Menyedekahkan hampir keseluruhan daging korban dan mengambil sedikit sahaja untuk diri sendiri sebagai mengambil berkat serta mengikuti sunnah Nabi ﷺ.



AKHLAK TASAWWUF DALAM IBADAH KORBAN

CAKNA GOLONGAN MEMERLUKAN

- Tasawwuf menekankan keikhlasan kepada Allah dan kasih sayang sesama manusia.
- Ibadah korban mendidik sifat prihatin, persaudaraan dan membantu fakir miskin.
- Agihan daging korban mengeratkan silaturahmi dan semangat ukhuwah Islamiah.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

“ Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara.”

(Surah al-Hujurat: 10)

INFAQ DENGAN HARTA TERBAIK

- Korban melatih jiwa untuk ikhlas, tidak bakhil dan cinta kepada Allah melebihi dunia.
- Islam menggalakkan memilih haiwan korban yang terbaik mengikut kemampuan.
- Semakin besar pengorbanan, semakin besar tanda ketaqwaan kepada Allah.

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ

“ Kamu tidak akan mencapai kebajikan sehingga kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai.” (Surah Ali ‘ Imran: 92)

**ASPEK
HAKIKAT
DALAM
IBADAH
KORBAN**

TAWAJUH HATI HANYA PADA ALLAH SWT

- Ibadah korban bukan sekadar menyembelih haiwan, tetapi menyembelih ego, cinta dunia dan hawa nafsu demi memurnikan tauhid.
- Kisah Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS melambangkan penyerahan total kepada Allah tanpa syarat.
- Hati yang sentiasa mengingati Allah akan dikurniakan ketenangan, kekuatan dan kesabaran dalam ujian.

أَلَا يَذْكُرُ اللَّهُ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

“ Ketahuilah, dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang.”

(Surah ar-Ra' d: 28)

MENCARI CINTA ALLAH DALAM EPISOD UJIAN

- Ujian adalah jalan tarbiah jiwa dan tanda kasih Allah kepada hamba-Nya.
- Semakin tinggi cinta dan tauhid seseorang, semakin besar pengorbanannya.
- Orang beriman melihat ujian sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah.

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

“ Barangsiapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan jalan keluar dan rezeki dari arah yang tidak disangka.”

(Surah at-Talaq: 2-3)

MUTIARA KALAM AYAHANDA

- “ Apabila Allah mencintai seseorang hamba, Allah akan meremukkan hatinya daripada dunia dan makhluk sehingga hatinya hanya bergantung sepenuhnya kepada Allah.”
- “ Hakikat korban ialah menyembelih sifat haiwani dan nafsu kejahatan dalam diri.”

HAKIKAT PENGORBANAN

- Pengorbanan tertinggi ialah menghapuskan sifat “aku” dan keegoan diri.
- Jalan menuju Allah memerlukan sabar, redha dan pergantungan penuh kepada-Nya.

Ujian kehidupan mampu melahirkan “mutiara makrifat” bagi hati yang sabar dan ikhlas.

PANDUAN SALIK MENUJU ALLAH SWT

MEMBETULKAN NIAT

- Salik memurnikan hati hanya kepada Allah dan meninggalkan pergantungan kepada makhluk.
- Mencontohi ketundukan dan tawakal Nabi Ibrahim AS.

وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ

“ Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang sentiasa menyesali dirinya.”

(Surah al-Qiyamah: 2)

ZIKIR BERSANAD (ROHANI)

- Zikir menghidupkan rohani dan menguatkan jiwa melawan syirik serta hawa nafsu.
- Hati yang hidup, akan sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan.

HUBUNGAN JIWA DENGAN RASULULLAH SAW

- Hati mukmin dihiasi dengan “ Nur Muhammad” akan melahirkan akhlak mulia dan tauhid sejati.
- Nur ini diwarisi melalui adab dan bimbingan para pewaris Rasulullah ﷺ.

Mutiara kalam Ayahanda :

- “ Nur Muhammad ialah nur kehambaan, tauhid dan cinta yang menghidupkan hati manusia.”

BELAJAR BERSERAH DAN BERGANTUNG KEPADA ALLAH SWT

- Hati yang benar-benar berserah akan merasa kebesaran Allah dalam setiap perkara.
- Orang beriman bertambah iman apabila mendengar nama dan ayat-ayat Allah.
- Hakikat perjalanan salik ialah mengosongkan hati daripada ego, kehendak dunia dan hawa nafsu agar dipenuhi kehendak Allah semata-mata.

KESIMPULAN

Ibadah korban bukan sekadar penyembelihan haiwan, tetapi madrasah tarbiah jiwa menuju Allah ﷻ. Ia mendidik manusia tentang tauhid, keikhlasan, pengorbanan, kasih sayang sesama insan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah.

Kisah Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS menjadi simbol pengorbanan, keyakinan dan cinta sejati kepada Allah. Melalui ibadah korban, seorang mukmin diajar menyembelih hawa nafsu, ego dan kecintaan kepada dunia agar hati sentiasa hidup dengan zikrullah dan Nur Muhammad ﷺ.

Korban juga melahirkan akhlak tasawwuf — prihatin kepada golongan memerlukan, suka berinfaq, sabar dalam ujian serta redha terhadap ketentuan Allah. Semakin besar pengorbanan seorang hamba kerana Allah, semakin hampir dirinya kepada cinta dan makrifatullah.

**TERIMA
KASIH**